

Pendidikan Abstinen dan Jangkitan Virus Kelamin dalam

Kesihatan Seksualiti dan Reproduktif di Malaysia

Abstinence Education and Sexual Transmitted Disease Regarding

Sexuality Health and Reproductive in Malaysia

Nazerah Mustafa¹

Abdul Latiff Abu Bakar¹

Mokmin Basri²

Abur Hamdi Usman²

(Received: April 28, 2022; Revised: June 13, 2022; Accepted: June 28, 2022)

ABSTRAK

Tujuan artikel ini untuk membincangkan mengenai Pendidikan Abstinen dari Barat yang menimbulkan pelbagai gejala jangkitan virus kelamin di kalangan remaja yang terlibat. Pendidikan Seksualiti dan Reproduktif dalam Islam merungkai masalah ini dengan melihat perbezaan dengan Pendidikan Abstinen dari Barat. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti keupayaan remaja menyelaraskan kebahayaan jangkitan virus kelamin berpunca dari Pendidikan Abstinen di Barat. Di samping itu, memahami pengertian Islam mengenai zina dan kedudukan Pendidikan Seksualiti yang menunjukkan keutamaan dalam Islam. Metod kajian ini menggunakan analisis dokumen dari kitab-kitab ulama lampau dan ulama-ulama kontemporari. Buku-buku teks sekolah rendah dan menengah mengenai pendidikan seksualiti juga boleh dirujuk. Selain itu, tesis/ jurnal dari tajuk berkenaan pada tahun-tahun sebelumnya yang diperolehi dari perpustakaan. Keabsahannya boleh dipercayai dengan merujuk kepada bahan-bahan rujukan serta bibliografi yang disertakan. Hasil kajian ini bertujuan memberi jawapan kepada tiga (3) persoalan kajian, iaitu; pertama, mengadakan penyelarasan Pendidikan Abstinen dengan Pendidikan Seksualiti dan Reproduktif dalam Islam. Hal ini ternyata perbezaannya di antara dua perspektif dari bahan-bahan yang dirujuk dan kelihatan ia berbeza dari empat (4) sudut seperti dibincang. Kedua, pandangan Islam terhadap perbuatan zina yang menimbulkan pelbagai jangkitan penyakit virus kelamin (STIs) yang sukar untuk diubati. Ketiga, kedudukan Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reproduktif dalam Islam yang seharusnya menjadi

¹ Universiti Islam Malaysia (UIM), Selangor, Malaysia

² Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia. (Corresponding author / Email : aburhamdi@kuis.edu.my)

pegangan golongan remaja atas dorongan ibubapa, guru-guru dan lain-lain pihak. Ibubapa seharusnya memperkuatkan pegangan anak remaja dan menggalakkan mereka menjadi lebih bertanggungjawab serta mengambil berat untuk kebaikan sendiri. Implikasinya, Penyakit Virus Kelamin ini tidak boleh dipandang ringan dan akibatnya boleh membawa maut. Jika kita mempunyai pegangan kukuh, kita dapat menghadapi sebarang cabaran dengan tidak tertekan dan lebih tabah. Dengan itu, menjadi harapan semua agar golongan remaja memperolehi suatu kesedaran berkaitan Pendidikan Abstinen dan bersedia untuk melaksanakan Pendidikan Seksualiti & Reproduktif yang berasaskan perspektif Islam. Oleh itu, untuk tujuan tersebut, negara Malaysia berusaha agar remaja dapat membesar dan sebagai insan pelindung dan berkembang pendokong agama Islam yang direhdai Ilahi.

Kata Kunci: *Kedudukan, Pendidikan, Seksualiti, Virus, Abstinen*

ABSTRACT

This article aims to discuss the Abstinence Education in the West, which causes various symptoms of Sexual Transmitted Disease (STD) among teens involved. Sexuality Health and Reproductive in Islam help overcome the problems by looking at the difference between Abstinence Education from the West. The objectives of this study are to know the ability of teens to coordinate the threat of Sexual Transmitted diseases that originated from the west. Besides, it is to understand the meaning of Islam regarding unlawful sexual intercourse (Zina) and lastly about the preference for Sexuality Education in Islam. The method of this study is to use the document analysis from the previous books of Ulama and the Ulama of contemporaries. The primary and secondary school textbooks for sexuality education also can be referred to. Besides that, thesis and journals with the concerned topics were used according to the libraries' related fields. The accesses may be encountered by looking at all presented materials and the bibliography. The research findings answer three questions: firstly, the coordination of the Abstinence Education with Sexuality Education and Reproductive in Islam. The difference between the two perspectives from the books referred to and the differences can be seen in four aspects (4) as discussed. Secondly, the Islamic view towards unlawful sexual intercourse (zina) raised various Sexual Transmitted Diseases (STIs). Thirdly, the position on Sexuality, Health and Reproductive in Islam shows its preferences in Malaysia. The parents should strengthen their hold grips on teens and tend to be responsible for the teens and care for their goods. The implication is that sexual disease is not to take lightly, and as a result, it causes

death. If hope abounds in us, we will be able to endure any situation with distress and be more determined. Therefore, the hope is that all teens are expected to gain some awareness regarding the backward of Abstinence Education. They are ready to implement Sexuality Health Education based on Islamic practiced. The conclusion is that the Malaysian might put the efforts that teens are growing into good people as a protective and expanding to support the Islamic religion in the coming future, with the blessing of Allah.

Keywords: *Positions, Education, Sexuality, Virus, Abstinence*

Pendahuluan

Kesihatan merupakan salah satu elemen terpenting kepada manusia, sama ada fizikal atau pun mental. Barat menerima Pendidikan Abstinen sebagai satu pendekatan pendidikan menjaga kesihatan remaja. Pada mulanya sebagai satu pendekatan berjaga-jaga (protected sex) dengan pengambilan alat kondom untuk pencegahan kehamilan dan jangkitan virus kelamin. Manakala perlakuan seks tidak selamat (unsafe sex) adalah di sebaliknya. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Centers for Disease Control and Prevention (CDC) (2008), kebanyakan remaja yang berusia 15 hingga 24 tahun tekah dijangkiti HIV/AIDs, berpunca dari amalan hubungan seks bebas/rambang.

Brady dan Halpern-Fiesher (2007), menjelaskan bahawa remaja yang mengadakan seks oral atau seks vagina mengalami permasalahan negatif sama ada kehamilan yang tidak dikehendaki atau berasa bersalah dan ada juga yang merasa keselesaan. Banyak kajian telah mengenalpasti bahawa tahap yang lebih tinggi jangkitan ini adalah dari kalangan yang bertukar pasangan, tidak konsisten menggunakan kondom dan bertukar ganti seks dan penggunaan dadah (Atkinson et al., 2010). Sutmoller et al. (2002), menyatakan bahawa orientasi seksual yang negatif seperti sifilis dan hepatitis B menjadi prediktor bagi seseorang untuk terjangkit penyakit HIV/AIDs. Oleh itu, Paul et al. (2000), menyatakan agama merupakan suatu prediktor terhadap pengawalan nafsu bagi lelaki atau perempuan dan yang essential untuk menangguhkan hubungan seksual.

Justeru itu, Chin et al. (2012) menyatakan pihak Barat mempopularkan pendidikan Intervensi Abstinence boleh mengurangi kehamilan yang tidak dirancang, jangkitan infeksi seks dan HIV/AIDS. Underhill et al. (2007), menyatakan terdapat pula segolongan orang Barat tidak menyokong kegunaan abstinence, malah mereka lebih cenderung kepada abstinence-only dan Comprehensive Sexuality Education (CSE), (Ott & Santelli, 2007). Namun, didapati kedua-dua

modul ini kelihatan gagal menangani isu remaja. Perkara ini disebabkan Barat melindungi pelaku dari aspek Hak Asasi Manusia, tambahan lagi dalam Pendidikan Abstinen dan CSE ini tidak terdapat aspek kegerunan dalam hukuman. Maka, segolongan remaja yang dikenali sebagai remaja berisiko mudah terkesan dengan perubahan ini tambahan pula, tidak ada bimbingan sewajarnya dari mana-mana pihak.

Penglibatan remaja dengan berbagai kelakuan seks ini terdedah kepada pelbagai penyakit yang sangat berbahaya. Berdasarkan Harden (2014), remaja membentuk sikap ketidakmampuan berfikir secara rasional atas tingkah laku seksual sama ada baik buruk perbuatan itu. Hal ini seiring dengan Hamsan dan Mohamad (2010) menyatakan bahawa pada perkembangan pertama berlaku ialah termasuk perubahan hormon dan fizikal remaja. Bagaimanapun, Subhi et al. (2012) menjelaskan seseorang remaja mula terjebak dengan jangkitan virus kelamin apabila mereka mula ketagihan seks dan bertukar-tukar pasangan. Salah satu bahaya seks terlarang adalah kerana penularan penyakit melalui kegiatan seks bebas dan seks rambang (Mansur, 2012). Hasbullah (2016), menjelaskan kesan pengguguran bayi dalam kandungan boleh mengakibatkan sistem reproduktif rosak dan menjelaskan masa depan remaja. Hal ini berpunca dari kemahuan diri remaja itu sendiri dan agama Islam tidak membenarkan perbuatan ini dilakukan sama sekali. Oleh itu, remaja harus menjauhi kegiatan seks terlarang yang membolehkan sistem reproduktif tidak dapat berfungsi lagi dan menghalang kebahagiaan masa depan remaja itu sendiri.

Metodologi Kajian

Metod kajian ini dijalankan melalui pendekatan kualitatif dengan bentuk analisis dokumen dari bahan-bahan yang relevan seperti kitab ulama lampau dan ulama kontemporari, buku-buku teks sekolah rendah dan menengah serta tesis/ jurnal dari tahun-tahun lepas diperolehi dari perpustakaan.

Kajian ini bertujuan menjawab tiga (3) persoalan kajian, iaitu; Pertama, mengadakan empat (4) penyelarasan Pendidikan Abstinen dengan Pendidikan Islam dilihat dari perbezaan yang terdapat daripada bahan-bahan yang dirujuk. Kedua, pandangan Islam mengenai perbuatan zina sehingga timbul jangkitan penyakit virus kelamin (STIs). Pendidikan Abstinen dari pihak Barat yang menunjukkan kelahiran anak luar nikah dan sukar diubati sekiranya dijangkiti Penyakit Virus Kelamin (STIs) dan hal ini memberi kelainan sama sekali dengan

pendidikan Islam. Ketiga, kedudukan mengenai tujuh (7) perkara yang menunjukkan Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reproductif menjadi keutamaan dalam Islam.

Dengan itu, Masri Sulaiman (2003), menyatakan bahawa penyelidikan ialah proses penambahan pengetahuan tentang manusia dan alamnya. Dalam erti kata lain, Bryman dan Bell (2007) menyebut teknik kajian ini boleh menggunakan pelbagai strategi untuk mencapai tahap keabsahan yang tinggi. Oleh itu, kitab-kitab ulama lampau dan ulama kontemporari banyak memberi pengisian yang relevan. Begitu juga sumber dari buku-buku teks sekolah rendah dan menengah serta tesis dan jurnal diperolehi dari perpustakaan, memberikan banyak jawapan kepada ketiga-tiga persoalan kajian yang disebutkan.

Hasil Kajian

1. Penyelarasan Pendidikan Abstinen Barat dengan Pendidikan Islam dalam Menangani Punca Jangkitan Virus Kelamin.

Pendidikan Abstinen dari Barat perlu diselaraskan dengan pendidikan Islam yang berasaskan al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Berdasarkan Buku Laporan Tahunan 2017, dikelolakan oleh JAKIM, ada penambahbaikan Undang-Undang Keluarga Islam dan Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah bagi memastikan usaha penyelarasan, penyeragaman dan pemerkasaan undang-undang Islam. Oleh itu empat penyelarasan perlu dihuraikan mengenai Pendidikan Abstinen Barat dengan Pendidikan Islam iaitu seperti berikut:

1.1 Pengisian ilmu dan amal

Penyelarasan pertama ini merupakan langkah awal bagi melahirkan manusia yang bermaruah dan berakhhlak mulia. Price (2020) dan Khanna et al. (1992) berhujah bahawa pengisian ilmu dan amal sebagai melengkap fizikal, mental dan fungsinya serta melenyapkan penyakit yang bermula dengan kesihatan seksualiti dan sistem reproduktif. Chandiramani (2005), turut menyatakan wanita seharusnya mencapai piawaian tertinggi bagi kesihatan seksual dan reproduktif mereka.

Ilmu mengajar manusia supaya sentiasa melahirkan kewaspadaan agar tidak timbul kemuncak keghairahan semasa bercinta. Pada setiap pertemuan antara lelaki dan perempuan, Islam menggalakkan ada wakil peneman dari pihak wanita dengan pengetahuan ahli keluarga untuk suai kenal tentang perkahwinan. Islam milarang lelaki mahu menggauli wanita sebelum nikah dan menggunakan kondom bagi mengelakkan kehamilan luar nikah dan seterusnya

jangkitan virus kelamin. Sekiranya berlaku perlanggaran akhlak, maka hukuman dijalankan setelah mengambil kira faktor-faktor kesalahan tersebut. Bagaimanapun, hukum wajib ialah perbuatan apabila dikerjakan akan diberi redha Allah taala dan jika ditinggalkan akan mendapat siksaan sepetimana dijanjikan oleh yang Maha Berkuasa, (Al-Zuhaily, 2005).

Ketetapan agama Islam menjadi tenaga dan pencetus utama untuk membentuk peribadi yang baik dan akhlak yang terpuji (Haron Din, 2001). Dalam erti kata lain, kemaslahatan umum mengatasi kemaslahatan individu, di mana syariat Islam tidak diturunkan untuk menghukum bahkan untuk mendidik manusia. Seharusnya setiap manusia itu perlu mengetahui peranan ilmu terhadap perkembangan diri seseorang itu, sama ada menjadikan manusia itu terpuji atau pun tercela. Ilmu tanpa amal akan membawa manusia itu ke tahap bahaya dan begitu juga amal tanpa ilmu akan menjurus kepada kebinasaan. Ilmu dan amal perlu diperolehi secara tekun dan bersungguh-sungguh bagi menjamin keutuhan iman seseorang. Oleh itu, tujuannya jelas iaitu memelihara tujuan pensyariatan hukum Islam dengan memelihara ilmu dan amal yang berasaskan *maqasid ash-shariah*.

1.2 Peningkatan pengetahuan ibubapa dan remaja mengenai jenis kesalahan jenayah Syariah

Penyelarasan kedua ini adalah perlu meningkatkan pengetahuan ibubapa dan remaja untuk mengetahui jenis kesalahan jenayah Syariah ini. Kesalahan jenayah ini bersabit di bawah hudud dan qisas, namun, hanya disabitkan kesalahan di bawah takzir kerana pelakunya adalah kanak-kanak. Sekiranya ibubapa dan remaja tidak mempunyai pengetahuan mengenai penyakit ini, lantas mereka akan mengambil ringan tentang kehinaan dan keazaban penyakit yang dikenali sebagai jangkitan virus kelamin. Selain itu, ibubapa sendiri tidak mengambil tahu aktiviti anak sama ada mereka ada terlibat atau tidak dengan pergaulan bebas. Sekiranya anak terlibat, mahu atau tidak, proses pemulihan perlu dilakukan terhadap anak yang telah terlibat dengan hal tersebut. Hal ini didapati banyak implikasi buruk sekiranya tidak dibendung dari awal lagi.

Jangkitan virus kelamin yang menyebabkan gangguan psikologi dan kemelaratan penyakit tertular ini yang dikategorikan sebagai boleh membawa maut (Ulwan, 2015). Menurut para pengkaji menyebutkan tentang kepedulian masyarakat masih terlalu rendah dan punca jangkitan virus kelamin ini bertebaran secara meluas. Remaja yang terlibat dalam risiko kelakuan seksual ini mengalami masalah mental yang mengganggu perkembangan pelajaran mereka dan penderitaan yang sangat berat sehingga menyebabkan kematian. Oleh itu, ibu

bapa dan remaja sepatutnya menyertai kuliah yang menerangkan jenis kesalahan ini dan dengan ini meningkatkan lagi perspektif ibubapa dan menjauhkan mereka dari kelalaian terhadap isu ini. Sexuality Information and Education Council of the United States, (SIECUS, 2004).

1.3 Pendidikan seksualiti Islam menyarankan remaja supaya menjelaki akhlak tasawuf

Penyelarasan ketiga ini merupakan suatu keluhuran sifat istiqamah dan kewarakan yang dimasukkan ke dalam hati. A. Gani (2015) menyatakan akhlak tasawuf merupakan pengertian lahiriah dan batiniah serta merupakan alat kawalan kejiwaan dan sosial bagi individu dan masyarakat. Turnbull et al. (2008) menyatakan dari pandangan *Department for Education and Employment* (DfEE), di United Kingdom melihat dari sudut perkahwinan memberi ikatan yang sihat dalam Islam. Remaja disarankan supaya menyelaraskan perasaan luhur ketika tidak membuka mata, telinga, tangan, lidah, mulut, kaki dan paha untuk perlaksanaan persetubuhan. Oleh itu, dengan pegangan tersebut, mereka berkeupayaan menangani lapar dengan berpuasa, berpakaian sederhana dan berbudi luhur sesama insan dan meninggalkan perselingkuhan.

1.4 Menjauhi Perjuangan Ideologi Barat Mengenai Penyakit Virus Kelamin (STIs)

Penyelarasan keempat adalah mengenai perjuangan ideologi Barat tentang persetujuan melakukan seksual sesama sendiri. Perjuangan ini disokong oleh golongan Liberalism, G25 dan Sekularisma di mana perjuangan itu berasaskan Hak Asasi Manusia. Perjuangan ini adalah menjadi suatu ancaman kepada Islam dan mereka mentafsir semula al-Quran dan al-Hadith dengan menggunakan rasional kecerdikan akal (Yusof & Nordin, 2005). Kepandaian akal yang tidak akur pada syariat tidak boleh dominan dalam mentadbir Pendidikan Abstinen dan jangkitan virus kelamin (Zarif & Abdullah, 2015).

Pendidikan seksualiti merupakan satu pengaruh terhadap kehidupan setiap manusia di mana dunia ini akan berkembang. Namun yang menggugatkan adalah seks bebas iaitu melakukan hubungan tanpa ikatan perkahwinan yang sah dan bertukar-tukar pasangan melakukan seks rambang.

Perbuatan zina merupakan perbuatan keji yang menimbulkan dosa sosial dan menimbulkan penularan penyakit HIV/AIDS. Penyakit ini didapati sulit untuk disembuhkan sehingga menyebabkan perkahwinan juga boleh dibubarkan. Kejahatan nafsu manusia yang mengenepikan perkahwinan dan naluri seksual disalurkan dengan cara yang bertentangan

dengan nilai Islam. (Sidi Gazalba, 1981). Keluarga yang bersatu pada asalnya dijadikan alasan untuk menuntut perceraian oleh salah satu pasangan. Dengan itu, hukuman yang berat dikenakan bukan hanya terhadap pelaku, malah seluruh pihak yang terlibat dengan kegiatan perzinaan (Abu al-Ghuddah, 1998).

Bagaimanapun, Malaysia menerima Deklarasi Kaherah 1994, dan membina pendidikan berasaskan Maqasid Syariah serta tidak dipengaruhi oleh Hak Asasi Manusia di Barat (Aziz, 2007). Oleh itu, akal rohaniah yang akur pada syariat dan mencerminkan sikap *al-akhlak al-karimah* dapat mendidik dengan fitrah dan mampu menangani permasalahan dengan kewibawaan yang berpotensi dapat menjamin keselamatan yang abadi.

Sahal Mahfudz (1994) yang memetik pendapat dari para Imam Mazhab, memahami zina seperti berikut:

- i. Menurut Syafi'iyah, zina adalah perbuatan laki-laki memasukkan penisnya ke dalam lubang vagina perempuan yang bukan isteri tanpa *syubhat*.
- ii. Menurut Malikiyah, zina adalah perbuatan laki-laki menyenggamai perempuan lain yang bukan isterinya pada lubang vagina atau duburnya.
- iii. Menurut Hanafiyah, zina adalah persenggamaan antara laki-laki dan perempuan di vaginanya tanpa *syubhat*.

Kebanyakan remaja tidak dapat menahan diri dari aktif dengan kegiatan seks tanpa mempedulikan perasaan orang sekeliling. Kajian Mohammad dan Ishak (2014) menunjukkan rakan sebaya mempunyai dorongan utama untuk remaja terlibat dengan masalah pergaularan bebas dan merasa bangga dengan penglibatan tersebut. Kebanggaan remaja adalah berdasarkan keseronokan apabila mendapat perhatian dari pasangan berbanding rakan sebaya yang tidak mempunyai pasangan. Hasil kajian Abg Ghafar (2010), di Taman Seri Puteri memberikan pandangan yang berbeza-beza bagaimanapun motif utama melakukan hubungan intim adalah perhatian, kasih sayang, kebahagiaan daripada pasangan dan sanggup melakukan apa saja untuk tujuan tersebut.

Mengikut kajian Abdullah et al. (2014), remaja berumur antara 15-17 tahun mengalami kehamilan dengan teman lelaki namun, apa berlaku disebaliknya apabila dimungkiri oleh pasangan dan melahirkan bayi bersendirian atau pun remaja mengalami keguguran pada usia remaja. Bayi yang dilahirkan menjadi bebanan dan remaja mengalami kemurungan, tanpa berfikir panjang, bayi tersebut menjadi mangsa buangan atau pun mangsa pembunuhan yang

kejam. Dari itu, berlaku satu kejadian kesan dari kesulitan hidup dan timbul kerosakan sistem reproduktif yang boleh memusnahkan masa depan remaja tersebut.

Kajian KPWKM mendapati bahawa remaja antara 13-17 tahun yang pernah terlibat dengan seks terlarang ini, 11.3 peratus yang didapati kehamilan dan ini menyebabkan kelahiran sebanyak 60.8%, mati dalam kandungan (8.5%), digugurkan (31.1%), keguguran (24.1%). Menurut Alphonsus (2003), seks merupakan suatu kuasa dalaman yang paling utama dalam mempengaruhi tingkah laku yang negatif. Maka dari itu, berlaku kelangsungan manusia yang defektif dengan kehamilan yang tidak dikehendaki dengan jangkitan virus kelamin. Remaja menghadapi jangkitan virus kelamin ini diklasifikasikan sebagai penyakit menular yang destruktif kepada kesihatan manusia.

Penyakit yang ditakuti ialah *Chlamydia Trachomatis* menyebabkan kemandulan pada wanita dan bagi lelaki, zakar akan mengeluarkan cecair dan pengalaman kencing amat memedihkan kerana ia berisiko menjangkiti uretra dan testis. Gonorea (penyakit kencing nanah) boleh menyebabkan wanita mengalami kehamilan ektopik di mana janin membesar di luar rahim dan boleh membawa maut kepada janin dan bakal ibu terbabit. Lelaki pula boleh menghidap kerosakan sperma (epididymitis) dan mampu merebak ke rectum menyebabkan kegatalan, pendarahan, dan kek uningen seperti nanah. Ketuat Genital (Human Papilloma Virus) juga mengakibatkan barah mulut, ketuat kemaluan, kanser serviks dan jangkitan sifilis kronik berisiko mengalami kerosakan otak dan jantung, (Richard, 2006).

HIV /AIDS merupakan satu penyakit yang kronik dan sangat ditakuti di mana sistem imunisasi tubuh badan pelaku sangat lemah dan peningkatan jumlah pengidap AID ini disebabkan oleh faktor sosial dan kedudukan peranan serta tingkah laku seseorang. Wanita yang hidup dengan HIV positif, bukan sahaja menjadikan kesihatan mental, tetapi juga seksual dan reproduktif, juga sumber manusia, Selain itu, wanita ini turut mengalami kemurungan, insomnia, menjadi malu dan rasa terasing,(Orza et al., 2015). Penyebaran penyakit virus HIV/AIDS dan sebagainya ini tergolong dalam satu kemudaratannya umum (al-dharar al-'amm), Al-Quran dan al-Hadith memberikan tuntutan dari sudut kemaslahatan termasuk memelihara kesihatan dan membentuk manusia yang berkualiti. Hasil Muzakarah Nasional MUI (1995), tentang HIV/AIDS di Bandung telah menyimpulkan bahwa penyebaran virus HIV/AIDS di Indonesia telah sampai pada tahap yang kritikal (al-dharar al-'amm). Kelompok perilaku berisiko tinggi dan begitu juga di Malaysia yang menghadapi tingkat penyebaran yang cepat dan

mendadak. Islam berpandangan bahawa zina adalah suatu perbuatan yang mengundang musibah dan kelakuan ini sangat dimurka Allah SWT.

Di Malaysia, tahun 2000, jumlah jangkitan HIV/AID dalam kalangan wanita melebihi 400 kes dan tahun 2006 hingga 2009, kes wanita dijangkiti 875 kes dan tidak dinafikan bahawa HIV/AIDS dianggap sebagai penyebab utama kematian dalam kalangan penghidap sejak sekian lama (UNAIDS, 2004; WHO, 2009). Kematian dikesan sekitar tahun 1986 sehingga akhir tahun 2017, telah mencecah 42,864, hasil penggunaan vaksin atau terapi antiretroviral yang semakin meningkat. Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia; Malaysia AIDS Council (MAC), 2017. Aisyah @Eshah Mohamed. (2002) menyatakan mereka dilihat sebagai golongan yang menerima hukuman dan banyak organ yang terlibat sebagai satu kemudaran tersembunyi selama giat di sebalik kesedapan sementara. Mashrom dan Rahimah (2016), menyatakan bahawa pengidap penyakit ini terjejas sama ada dari segi ekonomi atau aspek pekerjaan sosio-budaya di mana mereka akan kehilangan rakan-rakan dan dipandang hina oleh masyarakat. Oleh itu, Islam mewajibkan menahan diri dan akur pada hukum syarak yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

2. Kedudukan Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reproduktif dalam Islam

Syariat Islam merangkumi semua hukum agama sama ada yang berkaitan dengan kewujudan dan kepercayaan tauhid yang mendalam serta tiada berbelah bagi (al-i'tiqad) terhadap Ilahi. Perbuatan bersifat praktis yang merangkumi hubungan seseorang individu dengan Ilahi (al-'ibadat) yang bersifat zahir dan rohaniah serta tujuan syariat untuk menegakkan keadilan untuk seluruh umat (Murad, 2003). Hubungan sesama manusia dengan kerendahan hati budi dan pekerti serta penyucian jiwa (al-akhlaq/al-tasawwuf) diperlukan oleh setiap manusia maupun orang yang tak bermoral sekali pun. Di sini jelas menunjukkan akhlak begitu penting untuk mengatur kehidupan yang lebih baik (Haron Din, 2001). Syariat Islam juga telah menjelaskan sejak lebih 1400 tahun yang lalu bahawa setiap manusia yang dilahirkan suci dan bebas daripada dosa, tidak seperti dakwaan sesetengah kepercayaan yang lain (Keene, 2002), dan perbuatan zina sebagai sesuatu yang wajib dijauhkan dari umatnya. Seandainya berlaku, maka adalah wajar dikesali dan melakukan perkara berikut:

2.1 Perkuatkan Jiwa Tauhid, Ibadah dan Akhlak

Pengertian bertauhid kepada Ilahi dan berakhlak mulia merupakan suatu pembawaan dari dalam jiwa yang menampakkan kemampuan manusia melahirkan pelbagai kebijaksanaan. Menurut Quasem (1975), akhlak ialah suatu sikap (hay'ah), mengakar dalam jiwa

yang melibatkan tabiat, perangai, tingkahlaku dan budipekerti yang selaras dengan tuntutan syarak. Jika sikap itu lahirnya perbuatan yang baik dan terpuji, maka ia disebut akhlak yang baik dan juga sebaliknya. Hamka (1983) mengatakan tentang pepatah Arab bahawa bukan tubuh badan yang menjadi pandangan, namun lantaran jiwa manusia yang perlu disempurnakan. Tubuh yang tidak mempedulikan perbuatan keji (al-fahisyah) iaitu perbuatan zina atau penyimpangan orientasi seksual akan terkait dengan masalah sosial dan jangkitan infeksi tersebut. Ada remaja yang melakukan homoseksual biasanya melakukannya di depan khalayak ramai tanpa ada sedikit rasa malu. Jiwa manusia yang terlibat tidak mencapai kesempurnaan dan menuju kebinasaan.

Dari itu, Ahmad (1975), memetik dari Imam al-Ghazali yang mendefinisikan manusia yang dapat menyempurnakan sifat peribadinya, justeru berusaha demi kebaikan sesama manusia dan mengabdikan diri kepada Ilahi. Kedudukan akhlak yang nalurinya tunduk pada hawa nafsu atau akal yang waras menekankan bahawa sifat peribadi yang jujur dan ikhlas dengan diri sendiri (Haron Din, 2001). Setiap perlakuan ibadah serta agama Islam menjamin kebahagiaan di dunia dan akhirat (Haron Din, 2001). Al-Quran begitu luas membahas masalah berhubungan dengan akhlak yang dapat dinikmati secara integral apabila kesemua nilai akidah, syariat dan akhlak dapat dilaksanakan (Draz, 2008). Akidah, ibadah dan merupakan satu gagasan ilmu dan akhlak Islamiah serta prinsipnya adalah bersumber kepada wahyu dan bersifat universal. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa Pendidikan Kesihatan Seksualiti dan Reproduktif memberikan kejujuran dan keikhlasan sebagai sifat asas untuk mendalami ilmu tauhid, ibadah dan akhlak yang sangat diperlukan oleh setiap individu dalam Islam.

2.2 Amalan Respiritualiti dalam Islam

Akhlik dalam Islam, memerlukan pertanggungjawaban (accountability) kepada manusia yang leka dengan kelalaian. Mereka seharusnya kembali melakukan respiritualiti kepada Ilahi setelah meninggalkan aktiviti spiritualiti yang seharusnya menyediakan jalan pembebasan daripada Allah SWT (Fahmi & Susanto, 2018). Maka, gejala seksual yang mengancam kehidupan beragama atau jahiliah moden yang berasaskan hawa nafsu tidak diatasi dan menolak apa yang dikatakan hidayah Allah (Qutb, 1985). Golongan remaja, melakukan despiritualiti terutamanya berlatarbelakangkan keluarga yang tiada pendidikan asas, giat melakukan perzinaan tanpa menyedari akibat jangkitan virus kuman.

Muhammad Daud Ali, (2011), menyatakan ruang lingkup akhlak dalam Islam meliputi semua aktiviti manusia dalam segala bidang kehidupan. Kebiasaannya, kebanyakan remaja

menunjukkan tahap yang rendah dalam pengetahuan ibadah dan mengabaikannya lantas mereka mudah terjerumus dalam tingkah laku yang negatif. Pengetahuan tauhid boleh diertikan sebagai mengukuhkan lagi peribadi manusia untuk melakukan ibadah kepada Ilahi. Darjat al-Quran lebih tinggi dari segalanya dan hikmahnya meliputi sekelian alam. Sepertimana hujjah yang pernah dikatakan oleh Manna Khalil Al-Khattan, (1996), bahawa Rasulullah s.a.w diturunkan Allah untuk mengeluarkan manusia dari jalan yang gelap kepada yang terang dan membimbing mereka ke jalan yang lurus. Hal ini bererti manusia perlu menjalani suatu jalan spiritualiti yang kaedahnya sempurna menurut al-Quran.

Hassan (2011) melihat kepentingan pendidikan, media dan masyarakat dalam membina nilai-nilai akhlak serta pertanggongjawaban dan keimanan seseorang boleh diukur dengan melihat perilaku akhlaknya (Hassan, 2001). Menurut Zakaria dan Zulkifli (2017) akhlak sebagai asas kepada sistem nilai Islam dan ibu bapa bersetuju akan tanggungjawab mereka walaupun pada tahap mana pembelajaran anak. Hal ini seiring dengan Zaydan, A.K. (1993), menerangkan bahawa masyarakat akan menjadi baik sekiranya setiap keluarga itu baik. Bagaimanapun, kerendahan hati seseorang berbudi pekerti santun membawa kepada berjiwa lembut dan berhemah tinggi. Oleh itu, Pendidikan Seksualiti dan Reproduktif menyatakan bahawa perlunya meninggalkan despiritualiti atas segala larangan Ilahi dan kembali melakukan respiritualiti atas setiap keterlanjutan serta menghayati proses spiritualiti dalam erti kata yang sebenar.

2.3 *Al-Daruriyyah Al-Khams*

Maqasid syariah *Al-Daruriyyah Al-Khams* menjadi alat penting untuk merancang pembangunan Negara yang sesuai dengan syariat termasuk hal perancangan golongan remaja. Al-Ghazali (t.th.) membahagikan *Al-Daruriyyah Al-Khams* kepada lima (5) prinsip dalam *mabadi al-khamsah* atau *al-usul al-khamsah* iaitu memelihara agama (hifz al-din), nyawa (hifz al-nafs), akal (hifz al-'aql), keturunan atau kehormatan (hifz al-nasl/al-'irdh) dan harta (hifz al-mal). Selain itu, syariat Islam juga bermatlamat untuk menjana kemaslahatan (kebaikan dan manfaat) serta mengelak mafsadah (keburukan dan bahaya). Bagaimanapun, pemeliharaan lima prinsip ini sukar dilakukan sepertimana disebut oleh (Sudarsona 1990), golongan remaja di mana sahaja baik di Timur mahu pun di Barat melakukan keburukan ataupun juvenile delinquency (kenakalan remaja). Muhyidin (2014), menyatakan konflik sesama keluarga di mana mereka berkeliaran sehingga larut malam dan mengambil minuman keras, mendatangkan ancaman terhadap keselamatan jiwa orang lain serta nafsu berahi yang menuruti syahwat.

Dalam kitab *Bidayatul Mujtahid*, Ibn Rusyd (t.th.) menyebutkan bahawa zina terjadi karena persetubuhan yang tidak sah ke atas orang yang digauli dan pengertian ini sudah disepakati oleh para ulama. Berzina dengan mengeluarkan sperma dengan tangan untuk menikmati kepuasan seksual, alat indera digerakkan dalam melakukan homoseksual (lelaki dengan lelaki), lesbian (wanita dengan wanita), dan oral seks juga bersetubuh dengan binatang. Hal ini menjadi fenomena dalam sesuatu negeri itu bererti mereka menghalalkan azab Allah SWT. Maka, segala tindak tanduk yang diketengahkan oleh individu, masyarakat tidak memelihara prinsip *Al-Daruriyyah Al-Khams*.

Oleh itu, diikuti dari Pendidikan Seksualiti dan Reprouktif bahawa remaja seharusnya mengambil kira setiap prinsip *Ad-Dharuriyah al-Khams* yang dinyatakan bagi menyelamatkan zuriat yang sah dari segi undang-undang Islam.

2.4 Ibu Bapa Mendidik Anak dengan Hikmah

Ibu bapa mendidik anak dengan penuh hikmah dengan limpahan kasih sayang. Ibubapa merupakan individu paling hampir kepada perkembangan peribadi anak dalam setiap institusi keluarga, (Abdul Hamid et. al., 2011). Kebijaksanaan ibubapa akan mncorakkan pertimbangan secara lahiriah dan rohaniah serta mewujudkan hubungan hormat satu sama lain, (Abdul Rahim et.al., 2006). Abdullah Yusof (1979) memberikan sinonim dengan makna *Kamus Dewan* (Baharom et al., 2005), perkataan budi bermaksud akal, sifat dan perbuatan baik, bicara dan daya upaya, manakala, pekerti merujuk kepada perangai, tingkah laku, watak kelakuan dan akhlak. Hal ini disimpulkan sebagai keperibadian manusia dan ibu bapa seharusnya menanamkan pendidikan seawal usia kanak-kanak. Sifat keperibadian yang ada kecenderungan berfikir mengikut akal budi dan bertindak dengan penuh kesantunan budi bahasa akan membolehkan mereka memiliki sifat istqamah dan wara sebaik meningkat dewasa.

Namun, sekiranya pendidikan tidak di awasi pada peringkat awal remaja, mereka akan terjebak dalam kalangsn remaja berisiko, yang berkelakuan seperti tontonan video lucu dan *chatting* di alam maya. Kajian Pakianathan (2016), mendapati bahawa remaja ini mempunyai keinginan dan kebebasan yang tinggi dalam mencuba segala yang baru seperti kerelaan melakukan perzinaan (Pak, 2010). Hormon wanita (estrodial) meningkat secara mendadak dan hormon lelaki (testorone) melonjak tinggi pada tahap perkembangan seks paling aktif (Glasier et al, 2006). Aktiviti seksual luar nikah dan konflik buangan bayi yang berlaku dalam keluarga menjadi faktor penyebab berlaku ketidakstabilan emosi dari kalangan remaja. Zakaria dan Zulkifli (2017) menyebut ramai remaja yang terjebak disebabkan oleh permasalahan yang

melingkungi mereka seperti keluarga yang berpecah belah, penderaan seksual keluarga, ketagihan pornografi dan penyalahgunaan dadah serta keganasan yang tidak terkawal. Mereka memupuk percintaan dengan keadaan yang menyimpang dari ketentuan hukum, adat dan kesopanan dalam Islam. Akbar (1983) menyatakan keterlanjuran berlaku dan perbuatan suka sama suka walaupun bukan pada haknya, menyebabkan akhlak yang negatif menimpa masyarakat.

Namun, remaja yang memiliki *resilien* yang tinggi, didapati kurang mempunyai ciri-ciri berisiko tersebut. Perjuangan menahan nafsu adalah jihad dan *ubudiah* yang membolehkan anak berfikir dan bertindak menyelamatkan akhlak mulia. Remaja dilatih untuk meninggalkan perlakuan nafsu dengan pendirian yang benar dan tetap. Maka, Allah memelihara seseorang yang sentiasa menjauhkan diri dengan dosa, maksiat dan syubhab. Berdasarkan Al-Quran, aplikasinya dalam menegakkan disiplin akidah, syariah dan nilai-nilai akhlak yang berhikmah itu satu keutamaan. Oleh itu, kedudukan Pendidikan Seksualiti dan Reprouktif mendapati bahawa setiap ibu bapa harus memberi pendidikan secara berhikmah menjadi keutamaan bagi semua pihak.

2.5 Menjaga Tujuh Anggota Badan

Pemahaman menjaga ketujuh anggota badan, sebagai akhlak yang sesuai dengan syariat. Zulpaidi (2010), menyatakan bahawa satu kaedah mengatasi seks ialah menjauhi pengajaran seks instruktif. Menurut Dewi Indrawati (2005), melihat dari perspektif Akbar (1982), menyimpulkan bahawa pendidikan seksualiti (*tarbiyah al-jinsiyah*) membahaskan berkaitan membersih dan memuliakan tujuh anggota badan. Hal ini menjurus kepada akhlak yang mulia yang menentukan ke arah kebaikan dengan tujuan untuk mencapai kebahagiaan (Ya et al., 2012).

Pendidikan seksual di Barat memberi kebebasan untuk memenuhi tuntutan nafsu syahwat berdasarkan hak asasi manusia. Mereka tidak memandang penting pada Institusi perkahwinan dan kebanyakan keluarga dibina dari anak luar nikah. Pendidikan Barat membenarkan kebebasan mutlak manusia yang mengakibatkan kehamilan, tambahan lagi dijangkiti virus kelamin (Ashraf, 1998). Pendidikan Abstinence dan *Comprehensive Sexuality Education* gagal menemui jalan penyelesaian terhadap perkara ini. Pendidikan seksualiti Islam berpandangan perkara ini harus diatasi segera dalam Islam. Oleh itu, kedudukan Pendidikan Seksualiti dan Reprouktif menyatakan bahawa kembali memelihara ketujuh anggota tubuh badan memberi tanda keluhuran iman di dada.

2.6 Akal *Taklifiyah*

Bahagian anggota manusia iaitu akal (*al-'aql*), yang merupakan anugerahi Ilahi yang paling utama dan membolehkan manusia itu menjalani kefungsian kehidupan biasa. Menurut Ibn Manzur (1958), akal bermaksud memperoleh ilmu dan pengalaman serta berupaya menahan diri dan kebijaksanaan. Menurut Azmi dan Wahab (2013), yang dipetik dari al-Harith al-Muhasibi (1398) menyatakan akal adalah sebagai tabiat (*gharizah*) untuk mengetahui ilmu bersifat penelitian (*nazariyyah*). Dengan itu, akal yang bertempat di bahagian otak yang bersifat penelitian, Abdul Ghani (2017) memetik dari saintis Barat bahawa perubahan bahan kimia neutrotransmitter bahagian tengah depan otak (*ventral tegmental area*) akan mengecil dan melemahkan fungsi kawalan badan. Cline (2008) menegaskan ketagihan pornografi mengakibatkan penyakit seperti barah yang sukar disembuhkan. Menurut Reisman (2010), ketagihan pornografi menjadikan segala pandangan berahi adalah benar dan menggiurkan. Dengan itu, perbuatan menjauhi perzinaan adalah mengetahui melalui penelitian akal dan menyatakan taklifiyah (pertanggungjawaban) bagi menjauhkan masyarakat daripada sifat tercela. Namun, pornografi antara perkara yang boleh menyebabkan sikap tercela dan kemerosotan jiwa akibat kesan ketagihannya melebihi dadah. Oleh itu, kedudukan Pendidikan Seksualiti dan Reprouktif menggesa supaya sebenarnya memelihara akan otak yang bersifat nampak dan akal fikiran kerana ia merupakan yang paling utama dalam kehidupan.

2.7 Hubungan Sosial Remaja

Hubungan sosial remaja dilihat dari pembelajaran sosial yang menunjukkan pergaulan dan tingkah laku yang positif. Berne (1964), menyatakan perasaan, pemikiran dan tingkah laku manusia pada asasnya tidak terlepas dari pengaruh persekitaran dan manusia mempelajari dengan menggunakan peta kognitif dengan alat petunjuk dan jalan. Prinsip pendidikan Islam yang bertujuan berbakti terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan tanah air. Pengaruh persekitaran yang positif membolehkan seseorang mempunyai matlamat yang muktamad. Hasan (1991), menyatakan bahawa Ibnu Sina menuntut agar dijaga minat belajar, dan bakat naluri serta kesanggupan tabii mengikut landasan.

Namun, transformasi sosial menjadikan remaja sukar menyesuaikan diri dengan fenomena krisis nilai yang mempengaruhi struktur dan norma. Ismail (2008), menyatakan segelintir remaja memilih cara songsang sepertimana dalam sub-budaya mat-motor dan faktor risiko ini dikaitkan dengan menemui bahaya, kerugian atau kecederaan (Baharom et al., 2005). Gaya hidup *hedonism* menjerat remaja dengan hubungan seks luar nikah yang menimbulkan

pelbagai kerencaman emosi seperti kebimbangan (depressed), kemurungan (anxiety), ketagihan merokok, dadah, alkohol, gangsterisme (Egeland & Farber, 1984). Abdul Rashid (2006), menyatakan bahawa pengaruh faktor dalaman diri yang terlalu menuruti runtunan raging hormone menyebabkan remaja berisiko tidak memelihara kemaluan dalam pergaulan. Makhsin (2007) mengatakan bahawa perhatian sumbang yang dilakukan remaja seharusnya memberi perhatian khusus. Quasem (1975), menekankan pergaulan dengan orang-orang *solih* sebagai satu kaedah membentuk akhlak yang mulia dalam diri seseorang. Masyarakat melalui satu bentuk penyelesaian kolektif dengan arus perdana yang sangat kompleks dengan ancaman kemodenan.

Menurut Ibn Qayyim Al-Jawziyyah,(t.th.), tarbiyah Islamiyah ini bersifat syumul meliputi kaedah Tarbiyah Islamiyah yang terdiri dari berikut:

- a. Tarbiyah Imaniyah (mendidik iman) iaitu mentadabur sifat kesempurnaan dengan keluasan rahmat, tanda-tanda kekuasaan-Nya.
- b. Tarbiyah *Ruhiyyah* (mendidik rohani) iaitu mendalamai sam'iyat, memperbanyakkan solat dan zikir bagi mendapatkan kekuatan jiwa.
- c. Tarbiyah *Fikriyyah* (mendidik fikiran) iaitu meningkatkan keupayaan bertafakur (amalan hati) dan ibadah (fizikal) yang menghantarkan manusia kepada *ma rifatullah* (mengenal Allah).
- d. Tarbiyah *Atifiyyah* (mendidik perasaan) iaitu perasaan dalam naluri (instinct) manusia yang berupaya menggerakkan manusia dalam segala hal dalam kehidupan.
- e. Tarbiyah *Khuluqiyah* (mendidik akhlak) iaitu meluruskan akhlak yang sempurna dengan perbuatan yang baik (al-birr) dan mengosongkan kecintaan yang bathil.
- f. Tarbiyah *Iradiah* (mendidik cita-cita) iaitu mendidik setiap Muslim mempunyai kesungguhan dalam setiap perkara yang dicita-citakan.
- g. Tarbiyah *Badaniyah* (mendidik jasadiah) iaitu meliputi pembinaan badan di waktu sihat, pengubatan di waktu sakit, pemenuhan keperluan *nutrient* dan berolah raga.
- h. Tarbiyah *Ijtima'iyyah* (mendidik bermasyarakat) iaitu masyarakat dididik untuk tidak menyakiti hati dan perasaan masyarakat di sekitarnya.

- i. Tarbiyah *Jinsiyyah* (mendidik seksual) iaitu dilakukan dengan memperbanyakkan pendidikan tentang bahaya dan kerusakan yang timbul, penyimpangan terhadap fitrah kelamin dan ancaman terhadap dosa zina.

Dengan sembilan (9) pendekatan tarbiyah Islamiyah ini, diyakini dapat membebaskan golongan remaja dari kekeliruan pemikiran dan *fahishah* sebagai satu perbuatan keji samada dilakukan secara terang-terangan atau bersembunyi. Oleh itu, digariskan dalam Garispanduan Pendidikan Seksualiti bahawa sosial remaja perlu berlandaskan faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi faktor motivasi akhlak manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 151 telah menyebut maksudnya “... *Dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan yang terang daripadanya dan yang tersembunyi...*”.

Begitu juga dengan firman Allah SWT Dalam surah al-Isra' ayat 32 telah menyebut maksudnya “*Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat.*”

Oleh itu, dalam melaksanakan peranan ini, ada dijelaskan dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud Maksudnya: “*Daripada Abu Hurairah RA telah berkata: Rasulullah SAW telah bersabda: Sesiapa membebaskan seorang mukmin dari suatu kesulitan dunia, maka Allah SWT akan membebaskannya dari suatu kesulitan pada hari kiamat. Dan sesiapa memberi kemudahan kepada orang yang berada dalam kesulitan, maka Allah SWT akan memberikan kemudahan ke atasnya di dunia dan akhirat. Dan sesiapa menutupi aib seorang muslim, maka Allah SWT akan menutup (aib) nya di dunia dan akhirat. Dan Allah SWT akan menolong hamba selama hamba tersebut menolong saudaranya ...*”

Kesimpulan

Kajian ini menjurus kepada tiga jawapan pokok persoalan kajian iaitu; Pertamanya, penyelarasan Pendidikan Abstinen dari pihak Barat dengan Pendidikan Seksualiti Islam. Topik ini amat bermanfaat kepada golongan ibu bapa dan guru-guru serta lain-lain pihak yang berkecimpung dalam hal remaja. Golongan remaja itu sendiri harus menerima cabaran untuk memahami pengertian yang terdapat dalam penyelarasannya tersebut. Penyelarasannya lahir dari kesedaran untuk menjalani sifat istiqamah dan warak sejak dari seawal usia kanak-kanak. Keduanya, pandangan Islam mengenai zina sehingga lahirnya jangkatan penyakit virus kelamin.

Islam mempunyai pandangan yang amat berbeza sekali mengenai perbuatan zina yang menimbul banyak implikasi yang amat serius. Pengguguran atau pembuangan bayi dan sebagainya serta jangkitan penyakit virus kelamin yang mengancam organ-organ yang digunakan untuk mengecapi kesedapan yang hanya sementara. Penderitaan akibat tekanan kesakitan penyakit seperti klamidia, gonorea, ketuat genital, sifilis dan HIV/AIDs yang perlu dihindari oleh remaja. Selain itu, mereka sering hanyut dengan stigma yang diberikan oleh orang lain, menyebabkan mereka terasa mahu bunuh diri, namun dikuatkan hati untuk mengelak kesesatan. Ketiganya, kedudukan Pendidikan Seksualiti Islam dari pandangan Islam, antaranya terdiri dari tujuh (7) perkara yang menjadi keutamaan. Ketujuh perkara tersebut iaitu; i). Perkukuhkan jiwa tauhid, ibadah dan akhlak; ii) Amalan Respiritualiti dalam Islam; iii) Al-Daruriyah Al- Khams; iv) Ibu Bapa Mendidik Anak dengan Hikmah; v) Menjaga Tujuh Anggota Badan; vi) Akal Taklifiyah Anugerah Ilahi; vii) Hubungan Sosial Remaja.

Lihat dari kefahaman ketujuh perkara di atas, ibubapa, guru-guru dan semua pihak dapat memperelokkan diri sendiri dan diri remaja. Kefahamannya membolehkan remaja berkecimpung dalam pelbagai bidang dan paling mendasar ialah bertambah keimanan untuk menjauhi segala aktiviti seks. Dari pembelajaran yang diperolehi dari sembilan (9) ciri tarbiyah Islamiyah oleh Ibnu Qassim al-Jawziyah, memberikan ilham yang banyak untuk menjadikan semua pihak berperibadi mulia. Oleh itu, mereka tergolong dalam kalangan yang terselamat dari sebarang kebahayaan dan dirahmati Ilahi.

Rujukan

- A. Gani. (2015). Pendidikan Akhlak Mewujudkan Masyarakat Madani. *Al-Tadzkiyyah: Jurnal Pendidikan Islam*, 126-137.
- Abdul Ghani, S. F. (2017). Kecelaruan Jantina Boleh Dirawat. Dlm. *Utusan Malaysia*, 9 Disember 2017.
- Abdul Hamid, Z. et al. (2011), Hubungan antara Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31- 40.
- Abdul Rahim et. al., (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.

- Abdul Rashid, A. R. (2006). *Krisis Dan Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdullah Yusof. (1979). *Kamus Sinonim*. Kota Bharu: Syarikat Diana Sdn Bhd.
- Abdullah, S., Ghani, S. A., Akil, S. S. S. M. S., & Faudzi, N. M. (2014). Relationship of parent and peer attachment with coping strategy among teenagers pregnancy. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 114, 334-338.
- Abg Ghafar, S. (2010). *Keinginan Melakukan Hubungan Intim Dan Kesannya Kepada Remaja: Kajian kes di Taman Sri Puteri, Bangi*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu al-Ghuddah, A. S. (1998). *Qararat wa Taushiyat Majma' al-Fiqh al-Islamy*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Ahmad, Z. A. (1975). *Konsepsi Negara Bermoral Menurut Imam al-Ghazali*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Aisyah @Eshah Mohamed. (2002). Wanita, ketidaksamaan sosial dan risiko jangkitan AIDS. *Akademika*, 61, 71- 89.
- Akbar, A. (1983). *Seksualitas ditinjau dari Hukum Islam*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Al-Ghazali, A. H. (t.th.). *Dawabit Al-Maslahah Al-Syariah Al-Islamiyah Al-Syatibi, Al-Muwafaqah usul Al-Syariah*. Jil. 1.
- Al-Jawziyyah, I. Q. (t.th.). *Tuhfah al-Maulud bi Ahkam al-Maulud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Alphonsus, Y. S. H (2003) *Pengetahuan Seks Dan Sikap Terhadap Seks Di Kalangan Guru Sekolah Menengah*. Jabatan Psikologi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Zuhaily, W. (2005). *Al-Fiqh al-Islamy wa Adillatuh*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ashraf, S. A. (1998). The concept of sex in Islam and sex education. *Muslim Education Quarterly*, 15(1): 37-43.
- Atkinson, J. S., Williams, M. L., Timpson, S. C., & Schonnesson, L. N. (2010). Multiple sexual partnerships in a sample of African-American crack smokers. *AIDS and Behavior*, 14(1): 48-58.
- Aziz, S.A. (2007). Muslim s Right to Freedom of Religion in Malaysia: Piercing Through the Confusion and Contradiction. *Malayan Law Journal*, 7.
- Azmi, M. F., & Wahab, M. R. (2013). Kedudukan Akal dalam Pendalilan Akidah. *Jurnal Teknologi*, 63(1): 31-39.

- Baharom, N. et al. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berne, E. (1964). *Games People Play, The Psychological of Human Relationship*. London: Penguin.
- Brady, S. S., & Halpern-Felsher, B. L. (2007). Adolescents reported consequences of having oral sex versus vaginal sex. *Pediatrics*, 119(2): 229-236.
- Bryman, A. & Bell, E. (2007). *Business Research Method*. New York: Oxford University Press.
- Chandiramani, R. (2005). Mapping the Contours. In W. Chavkin & E. Chesler (Eds.). *Where Human Rights Begin: Health, Sexuality, and Women in the New Millennium*, 127(2):56-77.
- Chin, H. B., Sipe, T. A., Elder, R., Mercer, S. L., Chattopadhyay, S. K., Jacob, V. & Santelli, J. (2012). The effectiveness of group-based comprehensive risk-reduction and abstinence education interventions to prevent or reduce the risk of adolescent pregnancy, human immunodeficiency virus, and sexually transmitted infections: two systematic reviews for the Guide to Community Preventive Services. *American journal of preventive medicine*, 42(3): 272-294.
- Cline, V. B. (2008). *Pornography Addiction*. Website: <http://library.cityvision.edu/pornography-addiction>.
- Dewi Indrawati. (2005). *Pendidikan Seks dalam Perspektif Ali Akbar*. Tesis Pascasarjana, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Draz, M. A. (2008). *The Moral World of the Qur'an*. London: I. B. Tauris.
- Egeland, B., & Farber, E. A. (1984). Infant-mother attachment: Factors related to its development and changes over time. *Child Development*, 55(3): 753-771.
- Fahmi, M. N., & Susanto, S. (2018). Implementasi Pembiasaan Pendidikan Islam dalam Membentuk Karakter Religius Siswa Sekolah Dasar. *PEDAGOGIA: Jurnal Pendidikan*, 7(2): 85-89.
- Glasier, A., Glmezoglu, A. M., Schmid, G. P., Moreno, C. G., & Van Look, P. F. (2006). Sexual and reproductive health: a matter of life and death. *The Lancet*, 368(9547): 1595-1607.
- Hamka. (1983). *Tasauf Modernen*. Jakarta: Panjimas.
- Hamsan, H. H., & Mohamad, M. (2010). *Belia berisiko: profil, faktor penyebab & intervensi*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

- Harden, K. P. (2014). A sex-positive framework for research on adolescent sexuality. *Perspectives on Psychological Science*, 9(5): 455-469.
- Haron Din. (2001). *Manusia dan Islam*. Jil. 1 & 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan, L. (1991). *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasbullah, F. (2016). Seksualiti Remaja: Isu dan Cabaran keluarga di Malaysia. *Seminar Isu-Isu seksualiti Peringkat Kebangsaan 2016*. Dewan Perdana, Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu, 19 Mac 2016.
- Hassan, M. K. (2011). *Voice of Islamic Moderation from the Malay World*. Ipoh, Perak: Emerging Market Innovative Research (M) Sdn Bhd.
- Ibn Manzur, M. M. (1958). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Rusyd. (t.th.). *Bidayatul Mujtahid wa Nihayatul Muqtashid*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ismail, R. (2008). *Kumpulan Mat Motor dan Perlumbaan Motosikal Haram: Suatu Tinjauan Sosiologikal. Dalam Transformasi Masyarakat: Cabaran Keluarga, Gender dan Sosiobudaya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keene, M. (2002). *World religions*. Oxford: Lion Publishing plc.
- Kementerian Kesihatan Malaysia, Council AIDS Malaysia (2017). Kuala Lumpur.
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). (2014). *Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima*. Putrajaya: KPWKM.
- Khanna, J., van Look, P. F., & Griffin, P. D. (1992). *Reproductive Health: a key to a brighter future: biennial report: 1990-1991*. Geneva: World Health Organization.
- Murad, K. (2003). *Shariah: the way of justice*. Leicestershire: The Islamic Foundation.
- Laporan Tahunan JAKIM, (2017), Kuala Lumpur.
- Makhsin, M. (2007). *Sains Pemikiran Dan Etika*. Selangor: PTS Profesional.
- Mansur, A. (2012). Bahaya Pergaulan Bebas. *Utusan Malaysia Online*. Dilayari pada 7/2/2012.
- Mashrom, M & Rahimah, A.A. (2016). Sokongan Sosial Wanita yang dijangkiti HIV/AIDS. *SKIMXIV Proceedings I-M 2015(2)*: 123-137.
- Masri, S. (2003). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Mohammad, F. M. & Ishak, M. Z. (2014). Gejala Hubungan Seks dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*. UMS 11 Disember 2014.
- Muhammad Daud Ali. (2011). *Pendidikan Agama Islam*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.

- Muhyidin, I. (2014). Layanan Informasi tentang Perilaku seks dalam Bingkai Islam. *Konseling Religi: Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, 5(1): 41-54.
- Muslim, I. (2005). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Orza, L., Bewley, S., L ogie, C.H., Crone, E.T., Moroz, S., Strachan, S., Welbourn, A. (2015). How does living with HIV impact on women's mental health? Voices from a global survey. *Journal of the International AIDS Society*, 18(Suppl 5), 20289.
- Ott, M. A., & Santelli, J. S. (2007). Abstinence and abstinence-only education. *Current opinion in obstetrics & gynecology*, 19(5): 446-452.
- Pak, J. (2010). Growing problem of abandoned babies in Malaysia. *BBC News Asia-Pacific*.
- Pakianathan, P.Y. (2016). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Salah Laku Seks Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. (Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.)
- Paul, C., Fitzjohn, J., Eberhart-Phillips, J., Herbison, P., & Dickson, N. (2000). Sexual abstinence at age 21 in New Zealand: The importance of religion. *Social Science & Medicine*, 51(1): 1-10.
- Price, K. (2020). What is reproductive justice? How women of color activists are redefining the pro-choice paradigm. *Meridians*, 19(S1): 340-362.
- Quasem, M. A. (1975). *The Ethics of Al-Ghazali: A Composite Ethics in Islam*. Petaling Jaya, Selangor: National University of Malaysia.
- Qutb, M. (1985). *Jahiliah Abad Dua Puluh*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Reisman, J. (2010). *History & Science: Erototoxic Images drive Sex Trafficking Demand*. Diperolehi daripada http://www.drjudithreisman.org/archives/History_and_Science_-Erototoxic_Images_Drive_Sex_Trafficking_Demand.pdf
- Richard, L. (2006). Sweet MD. *Clinical Gynecology*.
- Sahal Mahfudz. (1994). *Nuansa Fikih Sosial*. Yogyakarta: LKIS.
- Sidi Gazalba. (1981). Diambang pintu perkahwinan. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- SIECUS. (2004). Guideline for Comprehensive Sexuality Education: Kindergarten-12th Grade Education.
- Subhi, N., Bakar, R. A., Ahmad, N., Hoesni, S. M., Ibrahim, F., & Mohamad, M. S. (2012). Hubungan seksual remaja: Antara cinta dan nafsu. *e-BANGI*, 7(1): 15-25.
- Sudarsona, S. H. (1990). *Kenakalan Remaja: Prevensi, Rehabilitasi dan Rasionalisasi*. Jakarta: Renika Ciptan.

- Sutmoller, F., Penna, T. L., de Souza, C. T. V., Lambert, J., & Oswaldo Cruz Foundation STD/HIV Prevention Group. (2002). Human immunodeficiency virus incidence and risk behavior in the Projeto Rio : Results of the first 5 years of the Rio de Janeiro open cohort of homosexual and bisexual men, 1994 – 1998. *International Journal of infectious diseases*, 6(4): 259-265.
- Turnbull, T., Van Wersch, A., & Van Schaik, P. (2008). A review of parental involvement in sex education: The role for effective communication in British families. *Health Education Journal*, 67(3): 182-195.
- Ulwan, A. N. (2015). *Tarbiyatul Aulad fil Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- UNAIDS. (2004). *Women and HIV/AIDS: Confronting the crisis*. Available from: <http://www.avert.org/women-hiv-aids.htm> [19 Ogos 2010]
- Underhill, K., Operario, D., & Montgomery, P. (2007). Abstinence-only programs for HIV infection prevention in high-income countries. *Cochrane Database of Systematic Reviews*, 75(4): 57-99.
- WHO. (2009). *Women and health: Today's evidence tomorrow's agenda*. Geneva: World Health Organization.
- Ya, R. et al. (2012), *Peranan Guru Pendidik Islam Menerusi Falsafah Pendidikan Islam Dalam Membentuk Kemenjadian Individu Murid Yang Berakhhlak*. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Yusof, F. B. M., & Nordin, N. R. B. (2005). *Pandangan Gerakan Islam Liberal Terhadap Hak Asasib Wanita*. http://eprints.utm.my/id/eprint/11541/1/Pandangan_Gerakan_Islam_Liberal_Terhadap_Hak_Asasi_Wanita.pdf
- Zakaria, S. M., & Zulkifli, N. A. (2017). Pengalaman remaja di rumah perlindungan dan perubahan dalam makna hidup. *Journal of Social Science and Humanities. eBangi-Special*, (3).
- Zarif, M. M. M & Abdullah, W. H. (2015). *Kedudukan Dan Peranan Hadith Dalam Terjemahan Liberalism Terhadap Al-Quran*. Dlm. K. Ahmad, A. S. Faisal & M. Abd Razzak (Pnyt.). *Salah Faham Terhadap Sunnah: Isu Dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Penerbit APIUM.
- Zaydan, A. K. (1993). *al-Wajiz fi Usul-al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyah.
- Zulpaidi. (2010). *Pendidikan Seks pada Remaja Menurut Islam*. (Tesis Pascasarjana Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta).